

No. Sebut harga : RELA (S).KL-300/2/6/1/2

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Pengarah RELA Negeri,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA),
Kementerian Dalam Negeri,
Aras 5, Kompleks KDN WP Kuala Lumpur,
No.69, Jalan Hartamas 1,
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia.

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Proton Waja (WLM 2708)	1	RM1,500.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Mei 2024 (Isnin) hingga 27 Mei 2024 (Isnin) (hari bekerja sahaja)** di antara **jam 9.00 pagi hingga 4:00 petang** di **Pejabat RELA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** seperti alamat:

Kompleks KDN WP Kuala Lumpur,
No.69, Jalan Hartamas 1,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di <https://www.rela.gov.my> . Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **RELA (S).KL-300/2/6/1/2** dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

Pengarah RELA Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA),
Kementerian Dalam Negeri,
Aras 5, Kompleks KDN WP Kuala Lumpur,
No.69, Jalan Hartamas 1,
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia.

5. Tarikh tutup sebut harga pada **27 Mei 2024 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(TPJR MOHAMAD RAZIB BIN BUHAINI)
Pengarah RELA Negeri WP Kuala Lumpur
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: 7 Mei 2024

No. Sebut harga : RELA (S).KL-300/2/6/1/2

**SYARAT DAN PERATURAN
SEBUT HARGA PELUPUSAN PROTON WAJA (WLM 2708) SECARA JUALAN MILIK
JABATAN SUKARELAWAN (RELA) NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

- a) Sebut Harga ini ditawarkan kepada **syarikat tempatan dan individu**.
- b) Pegawai dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melupuskan aset (kenderaan) tidak dibenarkan menyertai Sebut Harga ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
- c) Aset (kenderaan) akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- d) Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset (kenderaan) atau RM1,500.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank berpaling sahaja atas nama Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
- e) Tawaran tanpa/ kurang deposit Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.
- f) Penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan aset tersebut.
- g) Jika penyebut harga enggan mengambil aset selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan.
- h) Semua aset (kenderaan) adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
- i) Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset (kenderaan) yang telah dijual.
- j) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset (kenderaan) seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- k) Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
- l) Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
- m) Penyebut harga yang berjaya tidak boleh menukar hak milik atau menjual kenderaan tersebut kepada pihak lain dalam tempoh satu tahun dari tarikh keputusan dimaklumkan.
- n) Proses pelupusan kenderaan secara Sebut Harga ini adalah merujuk kepada 1 Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset, AM 2.7 – Pelupusan.